

D836

U B284 DEB
MAHATHIR - KOMANWEL R R R
(1)

KUALA LUMPUR, 13 JUN (BERNAMA) -- MALAYSIA TIDAK TERKEJUT DENGAN KEPUTUSAN KUMPULAN ORANG TERNA MA KOMANWEL (EPG) UNTUK MEMBATALKAN SAHAJA INISIATIF KEAMANANNYA DI AFRIKA SELATAN DISEBABKAN SIKAP TIDAK MAHU BERTOLAK ANSUR REGIM KULIT PUTIH PRETORIA.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MALAYSIA SELAMA INI MERAGUI KEJAYAAN USAHA KOMANWEL SEJAK EPG DITUBUHKAN PADA SIDANG KEMUNCAK KOMANWEL DI NASSAU, BAHAMAS.

+SEKARANG KOMANWEL TERPAKSA MENIMBANG ALTERNATIF UNTUK MEWAJIBKAN SEKATAN EKONOMI SECARA MENYELURUH MEMANDANGKAN KEGAGALAN EPG ITU+ KATANYA DALAM KENYATAAN YANG DIKELUARKAN OLEH WISMA PUTRA PADA AKHIR INISIATIF KEAMANAN EPG DI AFRIKA SELATAN.

DATUK SERI DR MAHAHTIR YAKIN PENUH BAHAWA TIDAK ADA SENJATA LAIN YANG LEBIH BERKESAN DARIPADA SEKATAN EKONOMI UNTUK MEMAKSA REGIM PERKAUMAN BAGI MEMBANTERAS APARTEID.

USAHA UNTUK MENAMATKAN PERTUMPAHAN DARAH DAN KEMATIAN DI AFRIKA SELATAN MENJADI SEMAKIN TERDESAK SEKARANG MEMANDANGKAN BERTAMBAHNYA LANGKAH-LANGKAH MENEKAN OLEH REGIM KULIT PUTEH DI PRETORIA TERHADAP MAJORITI KULIT HITAM.

DENGAN DEMIKIAN BELIAU MENGGESA KOMANWEL DAN MASYARAKAT ANTARABANGSA MENIMBANG DENGAN SERIUS UNTUK MEWAJIBKAN SEKATAN EKONOMI ITU. -- BERNAMA.

1955MST 13 06 86